KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

LAPORAN HARIAN KHAMIS, 28 OGOS 2025

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

28/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	**BULI DI MALAYSIA PERLU DITANGANI SEGERA - UNICEF**		**POSITIF**
	https://bernama.com/bm/dunia/news.php?id=2461394	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buli-di-malaysia-perlu-ditangani-segera-unicef-536053	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/27/bullying-in-malaysia-must-be-addressed-with-urgency-says-unicef	THESTAR.COM.MY	
	https://thesun.my/malaysia-news/unicef-urges-urgent-action-on-bullying-in-malaysian-schools-KF14774394	THESUN.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/753586	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2461254	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	**SELANGOR PLANS EASIER REPORTING MECHANISM FOR STUDENT BULLYING CASES**		**POSITIF**
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1266636/selangor-plans-easier-reporting-mechanism-student-bullying-cases	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745406/edisi/selangor-kl/selangor-rangka-mekanisme-mudahkan-murid-lapor-kejadian-buli---exco	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2461315	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/27/selangor-govt-to-introduce-special-guidelines-for-children-to-report-bullying-incidents/189142	MALAYMAIL.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/selangor-plans-easier-reporting-mechanism-for-student-bullying-cases-BF14775501	THESUN.MY	

28/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	**BULI: KPM AMBIL TINDAKAN SEGERA SEMUA SYOR JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**		**POSITIF**
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/buli-kpm-ambil-tindakan-segera-semua-syor-jawatankuasa-pilihan-khas-wanita-kanak-kanak-dan-pembangunan-masyarakat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/17-syor-tangani-buli-dalam-kalangan-pelajar-sekolah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2461307	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/27/wujudkan-talian-aduan-buli-khas-mesra-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	
	https://siakapkeli.my/2025/08/27/buli-kpm-teliti-semua-syor-dikemuka-jawatankuasa-pilihan-khas-wanita-kanak-kanak-dan-pembangunan-masyarakat-untuk-tindakan-segera	SIAKAPKELI.MY	
	https://suarasarawak.my/kpm-teliti-semua-syor-tekad-perangi-buli-habis-habisan/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745399/berita/nasional/buli-kpm-teliti-semua-syor-jawatankuasa-khas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-disyor-lantik-bekas-tentera-dan-polis-sebagai-warden-tangani-isu-buli-di-sekolah-berasrama-536062	ASTROAWANI.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1266385/bullying-persists-schools-despite-guidelines-over-5700-cases-last-year	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	**MALAYSIA'S BIRTH RATE HITS HISTORIC LOW, THREATENS FUTURE GENERATIONS**		**NEUTRAL**
	https://thesun.my/malaysia-news/malaysia-s-birth-rate-hits-historic-low-threatens-future-generations-MF14773791	THESUN.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/768386	THEEDGEMALAYSIA.COM	

28/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	**MELAKA RANCANG BANGUNKAN PERKAMPUNGAN PERSARAAN HADAPI STATUS NEGERI TUA MENJELANG 2040**		**POSITIF**
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2461139	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2461135	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-dijangka-jadi-negeri-tua-menjelang-2040-lppkn-535978	ASTROAWANI.COM	
	https://thesun.my/cerita/berita/melaka-dijangka-capai-status-negeri-tua-menjelang-2040-BF14772047	THESUN.MY	
	https://www.melakahariini.my/melaka-cadang-bina-retirement-village-hadapi-negara-menua-2040/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	**SOKONGAN KEPADA IBU HAMIL PENTING UNTUK GENERASI MASA DEPAN**		**POSITIF**
	https://bernama.com/bm/news.php?id=2461199	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	**'TAK BOLEH CUTI JUGA SEJENIS BULI'-AZALINA**		**POSITIF**
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1257269/tak-boleh-cuti-juga-sejenis-buli-azalina	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/08/27/penderaan-lisan-mental-halang-naik-pangkat-boleh-dianggap-buli-azalina/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

28/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	**BAYI 10 BULAN MELECUR TERKENA AIR PANAS DI TASKA**		**NEGATIF**
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-10-bulan-melecur-terkena-air-panas-di-taska/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/27/bayi-melecur-tahap-dua-terkena-air-panas-di-taska/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1257199/bayi-melecur-terkena-air-panas-di-taska-meraung-kesakitan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	**GURU TIDAK MENGAKU AMANG SEKSUAL PELAJAR LELAKI BERUSIA 17 TAHUN**		**NEGATIF**
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/08/guru-tidak-mengaku-amang-seksual-pelajar-lelaki-berusia-17-tahun/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/27/guru-tidak-mengaku-amang-seksual-pelajar-lelaki-berusia-17-tahun/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/745327/berita/semasa/guru-mengaku-tidak-bersalah-amang-seksual-pelajar-tingkatan-5	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/753537	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1438678/guru-didakwa-lakukan-amang-seksual-ke-atas-pelajar	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php/news.php?id=2461079	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1257137/guru-didakwa-amang-seksual-pelajar-17-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/08/27/amang-seksual-dalam-bilik-warden-guru-mengaku-tak-salah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://suarakini.com.my/guru-didakwa-amang-seksual-fizikal-pelajar-lelaki-17-tahun/	SUARAKINI.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=5PGqO253sAo	YOUTUBE	

28/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	**PEMANDU LORI DIPENJARA 6 TAHUN, MENGAKU SALAH CABUL ANAK TIRI**		**NEGATIF**
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemandu-lori-dipenjara-6-tahun-mengaku-salah-cabul-anak-tiri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1438707/pemandu-lori-mengaku-salah-cabul-anak-tiri-kena-penjara-6-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1257235/pemandu-lori-umpan-telefon-bimbit-sebelum-cabul-anak-tiri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/08/lelaki-dipenjara-enam-tahun-amang-seksual-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY	

Buli di Malaysia Perlu Ditangani Segera - UNICEF

27/08/2025 10:38 PM

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Buli perlu ditangani segera, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) memberi amaran kerana ia menimbulkan risiko serius terhadap keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

Menyatakan kebimbangan mendalam dan rasa sedih terhadap laporan terkini insiden buli dalam kalangan kanak-kanak, Wakil UNICEF ke Malaysia merangkap Wakil Khas ke Brunei Darussalam Robert Gass berkata masalah itu boleh membawa kesan yang tragis.

Beliau menegaskan bahawa tiada kanak-kanak sepatutnya merasa takut berada di sekolah dan tiada ibu bapa perlu risau anak mereka tidak pulang ke rumah dengan selamat.

"Sekolah mesti menjadi ruang yang selamat dan menyeronokkan, tempat kanak-kanak belajar, membesar serta membina persahabatan dengan penuh maruah dan hormat," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Gass berkata kanak-kanak sendiri secara konsisten menyuarakan kebimbangan mereka mengenai buli.

Dalam tinjauan UNICEF pada 2017, buli dikenal pasti sebagai antara kebimbangan terbesar mereka, manakala Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 menunjukkan 8.6 peratus kanak-kanak melaporkan menjadi mangsa buli dalam tempoh sebulan lalu.

Beliau menambah bahawa panduan UNICEF serta rundingan dengan kanak-kanak menekankan keperluan saluran aduan yang lebih selamat, dasar sekolah yang lebih kukuh serta guru yang mampu bertindak dengan empati supaya setiap murid dapat belajar tanpa rasa takut.

Insiden terkini yang dilaporkan media, katanya, menggariskan keperluan mendesak untuk memperkukuh sistem perlindungan kanak-kanak di Malaysia bagi mencegah serta memberi tindak balas berkesan terhadap keganasan, eksploitasi, pengabaian dan penderaan, sama ada dalam talian atau luar talian.

"Ini termasuk melabur dalam perkhidmatan pekerja sosial profesional serta tenaga kerja perkhidmatan sosial yang lebih luas seperti kaunselor sekolah," katanya.

Gass memuji kerajaan dan rakan kerjasama kerana mengambil tindakan terhadap keganasan ke atas kanak-kanak, namun menegaskan dasar berpusatkan kanak-kanak yang lebih kukuh, sistem perlindungan lebih baik serta budaya prihatin dalam bilik darjah masih diperlukan.

"Paling utama, semua usaha ini mesti menegakkan hak setiap kanak-kanak untuk mendapat keselamatan, maruah dan pendidikan tanpa rasa takut," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa tindak balas perlu bergerak daripada sikap menyalahkan kepada penyelesaian, sambil mengingatkan bahawa kanak-kanak yang membuli juga adalah kanak-kanak yang hak mereka mesti dijaga dan tindakan terhadap mereka harus melalui bimbingan serta proses sewajarnya.

UNICEF menegaskan kesediaannya untuk menyokong kerajaan memastikan budaya membuli tidak lagi wujud di Malaysia.

"Setiap kanak-kanak berhak untuk selamat, dihargai dan dilindungi di setiap ruang mereka berada. Melindungi hak ini bukan sekadar tanggungjawab di bawah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, tetapi janji yang mesti kita tepati," tambah Gass.

Selangor plans easier reporting mechanism for student bullying cases

By Bernama - August 27, 2025 @ 9:42pm

Selangor Women Development and Social Welfare Committee chairman Anfaal Saari said the state government will draw up special guidelines to make it easier for children to report incidents of bullying in the state. NSTP FILE PIC

SHAH ALAM: The Selangor government will draw up special guidelines to make it easier for children to report incidents of bullying in the state, State Women Development and Social Welfare Committee chairman Anfaal Saari said.

She said the initiative is aimed at providing young people, especially students in boarding schools, with the opportunity to channel information if they are victimised, thereby curbing the spread of such culture.

"Some children may feel uncomfortable or afraid to speak up and share with anyone. Therefore, these special guidelines will make it easier for them to report the bullying they face.

"We hope this effort can stop bullying from spreading further and prevent worse incidents in the future," she said.

Anfaal also urged parents or guardians to immediately report to the Education Ministry if they have information that their child or a child under their care has become a victim of bullying.

She said reports can also be lodged with the Social Welfare Department (JKM) to enable action to be taken.

"This is important so that every report is recorded and immediate action can be implemented. I believe preventive steps are more crucial to avoid any untoward incidents," she said.

Recently, Education Minister Fadhlina Sidek said the ministry is in the process of revising school discipline regulations under the Education Act 1996 to address bullying in schools.

She said the revision is aimed at providing clearer guidelines for teachers to manage disciplinary misconduct cases.

Buli: KPM ambil tindakan segera semua syor Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat

PENDEKATAN holistik melibatkan semua pihak merangkumi kerajaan, sekolah, ibu bapa, komuniti dan pelajar amat penting untuk membanteras budaya buli dari akar umbi. – GAMBAR HIASAN

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM 27 Ogos 2025, 6:36 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) akan meneliti dan mengambil tindakan segera semua syor yang dikemukakan Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat bertujuan untuk memerangi buli di institusi pendidikan.

KPM dalam kenyataan memaklumkan, antara cadangan dikemukakan ialah menambah baik saluran aduan buli supaya ia lebih mesra kanak-kanak.

Katanya, selain itu, jawatankuasa berkenaan mencadangkan hebahan segera secara meluas berkenaan salah laku buli, menyediakan pilihan untuk membuat aduan secara anonym dan memelihara kerahsiaan maklumat peribadi pelajar.

"Langkah ini memastikan perlindungan kepada pengadu, penubuhan jawatankuasa khas anti-buli peringkat sekolah dan penambahbaikan kepada garis panduan pengurusan salah laku buli.

"Pada ketika ini, KPM sedang melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan bagi memperkukuh aspek keselamatan di semua institusi pendidikan bawah kelolaannya," katanya.

Pada masa sama, KPM mengalu-alukan cadangan dan sumbang saran dari semua lapisan masyarakat bagi memerangi salah laku buli habis-habisan.

Katanya, KPM juga sedang menggembleng usaha dengan kerjasama semua pihak bagi memastikan hasrat untuk mewujudkan ekosistem selamat di semua institusi pendidikan tercapai. – UTUSAN

Malaysia's birth rate hits historic low, threatens future generations

theSun Local

2025-08-27 06:03 PM

KUALA LUMPUR: Malaysia's birth rate has reached its lowest level in history this year according to Bandar Tun Razak MP Dr Wan Azizah Wan Ismail.

She expressed serious concerns about how this decline threatens both future generations and the country's long-term development.

"Children represent both a family blessing and the generation that will shape our nation's future," she stated during a Mother and Baby Gift Sets presentation event at Laman Tun Razak.

Department of Statistics Malaysia data shows the birth rate falling to its lowest point in 2025 compared to previous annual figures exceeding 100,000 births.

She warned that continuing this trend could create major developmental challenges for Malaysia.

Dr Wan Azizah emphasized the crucial need to support expectant mothers for proper physical, emotional, and spiritual development of the next generation.

Modern families face additional challenges from technological influences including virtual reality, deepfake, and artificial intelligence according to her observations.

She noted that while beneficial, these technologies require careful guidance to prevent negative impacts on children's development.

"Children require comprehensive care across physical, emotional, and spiritual dimensions to surpass previous generations," she explained.

The maternity kit initiative forms part of the 13th Malaysia Plan's social welfare and family development support measures.

Berjaya Corporation Bhd founder and advisor Tan Sri Vincent Tan generously donated the current batch of 36 kits.

Dr Wan Azizah hopes this effort will inspire more individuals and organizations to support family welfare nationwide. – Bernama

Melaka Rancang Bangunkan Perkampungan Persaraan Hadapi Status Negeri Tua Menjelang 2040

27/08/2025 02:26 PM

ALOR GAJAH, 27 Ogos (Bernama) -- Melaka merancang membangunkan perkampungan persaraan sebagai persediaan menghadapi status negeri tua menjelang 2040, kata Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin.

Beliau berkata, inisiatif itu bakal menjadi platform terbaik untuk mengumpulkan warga emas, khususnya dalam kalangan profesional, agar mereka terus berupaya menyumbang kepada pembangunan negeri.

"Sebenarnya ramai warga emas yang hanya tinggal di rumah selepas bersara, namun melalui perkampungan persaraan ini lebih banyak program dapat dilaksanakan untuk golongan tersebut.

"Ia juga dapat memastikan warga emas tidak tersisih daripada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kependudukan Peringkat Melaka 2025 di Dewan Kuliah Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal, hari ini.

Turut hadir, Pengarah LPPKN Melaka Suszma Khairitszi Mamat dan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Massila Kamalrudin.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Datuk Abdul Shukur Abdullah sebelum ini dilaporkan berkata Melaka dijangka berstatus negeri tua menjelang 2040, apabila unjuran menunjukkan kira-kira 15 peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas.

Beliau dipetik berkata, pada 2024, sebanyak 11 peratus atau 111,000 penduduk negeri itu berumur 60 tahun ke atas, dan angka itu dijangka meningkat kepada 15 peratus dalam tempoh kurang dua dekad.

Fenomena negeri tua dijangka memberi kesan besar kepada ekonomi, tenaga kerja, perancangan sosial serta sistem kesihatan, termasuk berdepan penyusutan tenaga kerja muda, peningkatan permintaan terhadap penjagaan warga emas dan keperluan dasar sosial yang lebih inklusif.

Sokongan Kepada Ibu Hamil Penting Untuk Generasi Masa Depan

27/08/2025 04:07 PM

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (tiga, kanan) menyerahkan set bersalin ibu dan anak kepada penerima Fatimah Ibrahim (dua, kanan) di Taman Tun Razak hari ini.

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Penurunan kadar kelahiran Malaysia ke paras terendah dalam sejarah pada tahun ini menimbulkan kebimbangan mengenai kesinambungan generasi serta pembangunan masa depan negara.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata anak-anak bukan sahaja anugerah besar buat keluarga, malah merupakan generasi yang akan mencorak masa depan negara.

"Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan kadar kelahiran negara menurun ke paras terendah dalam sejarah pada 2025, berbanding lebih 100,000 kelahiran setiap tahun sebelum ini.

"Jika trend penurunan ini berterusan, ia boleh menjejaskan prospek pembangunan negara," katanya ketika berucap pada Program Penyerahan Set Bersalin Ibu dan Anak di Taman Tun Razak, di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga isteri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, menekankan kepentingan menjaga kesejahteraan golongan ibu mengandung bagi memastikan generasi akan datang dibesarkan dalam persekitaran yang menyokong perkembangan fizikal, emosi, dan rohani mereka.

Dr Wan Azizah berkata selain cabaran semasa, keluarga kini turut berdepan pengaruh teknologi seperti realiti maya, *deepfake*, dan kecerdasan buatan (AI) yang walaupun memberi manfaat, tetap menimbulkan risiko terhadap perkembangan anak-anak jika tidak dikawal dengan baik.

"Anak-anak bukan sahaja perlu dijaga dari segi fizikal, tetapi juga aspek emosi dan rohani bagi memastikan mereka membesar menjadi insan lebih baik daripada generasi sebelumnya," katanya.

Beliau berkata pemberian kit bersalin adalah satu daripada inisiatif penting selaras dengan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) bagi memperkukuh kesejahteraan sosial dan pembangunan keluarga.

Sebanyak 36 pek set bersalin disalurkan kepada penerima menerusi sumbangan Pengasas dan Penasihat Berjaya Corporation Bhd Tan Sri Vincent Tan.

Hadir sama isteri beliau, Puan Sri Esther Tan, Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Azman Abidin, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan Che Samsuzuki Che Noh, Pengurus Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) cawangan Cheras, Asyiqoh Yusof dan Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Cheras, Atiqah Abdul Wahab.

Dr Wan Azizah turut berharap inisiatif ini menjadi inspirasi kepada pelbagai pihak untuk tampil membantu, sekali gus memperkukuh kesejahteraan institusi kekeluargaan.

'Tak boleh cuti juga sejenis buli'-Azalina

Rafidah Mat Razki
arn@hmetro.com.my

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berucap pada Majlis Himpunan Bulanan dan Majlis Kibaran Jalur Gemilang Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 hari ini. FOTO BERNAMA

Putrajaya: Jawatankuasa Semakan dan Kajian Pembaharuan Undang-Undang Jenayah (CLRC) kini sedang meneliti pelbagai undang-undang yang diwujudkan sejak zaman penjajahan, termasuk yang mempunyai peruntukan bertindih.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, antara perundangan yang sedang dinilai semula membabitkan hukuman sebat mandatori.

"Ya, kami sedang melihat peruntukan undang-undang membabitkan hukuman sebat dan salah satu cabaran terbesar hari ini adalah untuk melihat hukuman sebat membabitkan kesalahan apa.

"Ada banyak jenis hukuman kerana ada dalam undang-undang kita yang dibuat pada zaman penjajahan lagi.

"Saya akui ada antara undang-undang kita yang bertindih, jadi kita perlu pertimbangkan perkara ini. Dan kemudian kita bercakap mengenai (pesalah) berusia bawah 18 tahun. Kita tidak boleh suka-suka mengenakan hukuman sebat terhadap kanak-kanak," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan dan Majlis Kibaran Jalur Gemilang, di sini, hari ini.

Azalina berkata demikian ketika diminta mengulas jawapan bertulisnya yang dimuat naik di laman web Parlimen semalam, mengenai satu kajian menyeluruh sedang dijalankan bagi meneliti keberkesanan hukuman sebat mandatori di Malaysia.

Dalam jawapan bertulis itu, beliau berkata, langkah itu selaras dasar Kerajaan MADANI yang berteraskan prinsip keinsanan, keadilan dan akauntabiliti.

Beliau dilaporkan berkata, ia diselaraskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, melalui penubuhan Jawatankuasa Kecil Kajian Pemansuhan Hukuman Sebat Mandatori yang akan mengemukakan laporan serta syor kepada CLRC untuk penelitian lanjut.

Ditanya keperluan untuk meminda mana-mana peruntukan yang bertindih selepas wujud undang-undang baharu, Azalina berkata, pihak terbabit dalam menggubal undang-undang perlu melihat setiap akta terbabit kerana setiap Kementerian mempunyai prosedur masing-masing.

Mengambil contoh isu buli yang dilaporkan sejak akhir-akhir ini, katanya, setiap kementerian ada prosedur operasi standard (SOP) untuk itu.

Katanya, jenayah gangguan misalnya wujud dalam Kanun Keseksaan, tetapi ia juga wujud dalam Akta Buruh dan Akta Perindustrian terutama sekali membabitkan pekerjaan.

"Sama juga dalam elemen buli. Tak semestinya buli kanak-kanak di sekolah. Buli tak dapat naik pangkat, buli suruh pekerja junior buat kerja, dia bawa kereta lepas waktu pejabat. Tak boleh naik pangkat. Tak boleh cuti itu pun buli. Jadi buli ni bukan saja pada elemen kanak-kanak dan buli ni bukan saja fizikal.

"Buli boleh (jadi) penderaan lisan (verbal abuse), boleh mental. Kadang-kadang penderaan mental ni lagi susah nak dibuktikan.

"Itu sebab kalau semua nak masuk mahkamah, prosedur ni makan masa, tapi kalau kita ada sistem tribunal dalam kes-kes buli kerana saya selalu percaya kemungkinan hukumannya lebih kepada rehabilitasi.

"Seperti gangguan seksual pun, ia membabitkan kelemahan akhlak. Nak kata betul orang itu (melakukan) jenayah, itu aspek yang lain. Itu ada Kanun Keseksaan," katanya.

Pun begitu, beliau berkata, apabila membabitkan kanak-kanak, perlu ada sikap berhati-hati dalam pelaksanaan proses undang-undang kerana ia membabitkan prosedur tertentu walaupun sudah ada peruntukan undang-undang membabitkan kesalahan berkenaan.

Disiarkan pada: Ogos 27, 2025 @ 3:26pm

Bayi 10 bulan melecur terkena air panas di TASKA

27 Ogos 2025, 2.05pm

Foto hiasan AI.

KUALA LUMPUR: Seorang bayi lelaki berusia 10 bulan melecur tahap dua selepas terkena air panas ketika dalam jagaan pengasuh di sebuah TASKA di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat, kelmarin.

Bapanya yang ingin dikenali Muhsin, 36, mendakwa, dia ketika itu berada di tempat kerja sebelum dihubungi pengasuh sekitar jam 12 tengah hari memaklumkan anaknya terkena air panas.

Menurutnya, terkejut mendengar berita itu, dia terus bergegas ke TASKA terbabit dan mendapati kaki anaknya melecur teruk.

"Saya kemudian terus membawa anak ke Hospital Serdang sebelum doktor memaklumkan mengalami melecur tahap kedua.

"Anak saya kemudian dirujuk ke pakar bedah plastik di Hospital Putrajaya dan kini masih menerima rawatan di hospital," katanya kepada Harian Metro hari ini.

Menurut Muhsin, pengasuh mendakwa dia terlupa menutup pintu pagar penghadang sebelum anaknya merangkak masuk ke bilik bancuhan susu dan terkena air panas di dalam cerek.

"Anak saya juga meraung menangis menahan kesakitan dan hari ini pihak hospital cadang ingin melakukan bius penuh untuk tidurkan anak seketika bagi mencuci luka.

"Selepas itu baru doktor akan buat langkah susulan sama ada perlu jalani pembedahan atau tidak," katanya.

Katanya, dia juga sudah tampil membuat laporan di Balai Polis Saujana Putra untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Shazeli Kahar mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

"Kertas siasatan sudah dibuka dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak Kanak 2001," katanya.

Guru tidak mengaku amang seksual pelajar lelaki berusia 17 tahun

AIRIL Iswan Mat Shamsuri (kiri) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar lelaki berusia 17 tahun pada September tahun lalu. - UTUSAN

Oleh ASLIZA MUSA 27 Ogos 2025, 11:08 am

IPOH: Seorang guru dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar lelaki berusia 17 tahun pada September tahun lalu.

Tertuduh, Airil Iswan Mat Shamsuri, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Jean Sharmila Jesudason.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan cara memeluk, mencium mulut dan kedua-dua pipi serta memegang kemaluan mangsa yang ketika kejadian berusia 17 tahun.

Perbuatan itu dilakukan bapa kepada dua anak itu di sebuah rumah di Gerbang Meru Indah pada pukul 10.30 malam, 13 September 2024 dan awal pagi 14 September 2024.

Tertuduh juga didakwa melakukan kesalahan sama dengan menyentuh mangsa bagi maksud seksual ketika berada di dalam bilik warden di sebuah sekolah menengah di Ipoh semasa awal pagi 27 September 2024.

Ketiga-tiga pertuduhan terhadap lelaki itu dikemukakan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dihukum sebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Nur Amalina Harun manakala tertuduh diwakili peguam, Baldip Singh.

Terdahulu, Siti Nur Amalina tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh namun sekiranya dibenarkan mahkamah, jumlah jaminan yang dicadangkan sebanyak RM40,000 selain syarat tambahan tidak dibenarkan mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Bagaimanapun, Baldip memohon jaminan RM5,000 dikenakan bagi setiap pertuduhan yang dihadapi anak guamnya atas alasan tertuduh merupakan penanggung tunggal keluarga dan mempunyai dua anak berusia lapan dan 10 tahun.

"Tertuduh telah berkhidmat sebagai guru selama 15 tahun dan ini merupakan kesalahan pertamanya. Dia juga telah memberi kerjasama yang baik sepanjang proses siasatan termasuk hadir sendiri ke mahkamah hari ini," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan berserta syarat tambahan melapor diri di balai polis berhampiran pada setiap awal bulan selain tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Pemandu lori dipenjara 6 tahun, mengaku salah cabul anak tiri

27 Ogos 2025, 1:34pm

Foto hiasan

SEREMBAN: Seorang pemandu lori dijatuhi hukuman penjara enam tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini, selepas mengaku bersalah melakukan amang seksual fizikal ke atas anak tiri perempuannya berusia 12 tahun ketika kejadian Jun lalu.

Lelaki berusia 45 tahun berkenaan mengaku melakukan jenayah itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin, yang memerintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara bermula tarikh tangkap.

Dia juga diarah menjalani sesi kaunseling pemulihan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama satu tahun selepas hukuman selesai.

Pemandu lori itu mengaku melakukan perbuatan berkenaan terhadap kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun ketika kejadian bagi tujuan seksual, kira-kira jam 2 pagi di dalam bilik tidur di sebuah rumah di Rembau pada 10 Jun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan- Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan sebatan.